

**KAJIAN PERSATUAN ETNIK DI SABAH: SATU
KAJIAN PERBANDINGAN PERSATUAN ETNIK
KEDAYAN DAN MELAYU BRUNEI (1990-2020)**



NURSHARMILLAH HANIM BINTI SANI

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

**KAJIAN PERSATUAN ETNIK DI SABAH: SATU
KAJIAN PERBANDINGAN PERSATUAN ETNIK
KEDAYAN DAN MELAYU BRUNEI (1990-2020)**

NURSHARMILLAH HANIM BINTI SANI

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **KAJIAN PERSATUAN ETNIK DI SABAH: SATU PERBANDINGAN PERSATUAN ETNIK KEDAYAN DAN MELAYU BRUNEI (1990-2020)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NURSHARMILLAH HANIM BINTI SANI** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagaibahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



NURSHARMILLAH HANIM BINTI SANI
BA19110386



(PM. DR. SOHAIMIE ESA)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Biografi Pahlawan Iban:Robert Madang Langi @ Leftenan Kolonel (B) Robert Rizal Abdullah ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiapsatunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

NURSHARMILLAH HANIM
BINTI SANI
BA19110386



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya yakni memberikan kesabaran dan tekad yang tinggi sehingga saya dapat menghabiskan penulisan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada penyelia latihan ilmiah saya iaitu PM. Dr. Sohaimie Esa di atas tunjuk ajar, bimbingan dan tauladan yang diberikan sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala kritikan dan pandangan yang diberikan oleh beliau tidak lain dan tidak bukan hanya untuk memastikan saya dapat menghasilkan penulisan ilmiah yang baik dan berkualiti. Tanpa sumbangan beliau nescaya latihan ilmiah ini tidak akan mampu terlaksanakan. InsyaAllah, segala input yang saya perolehi sepanjang sesi penulisan latihan ilmiah ini akan dimanfaatkan di masa akan datang.

Dalam pada itu juga, saya ingin memberikan sekalung penghormatan buat ibunda dan ayanda saya iaitu Nazrah Binti Mohd Talib dan Sani Bin Masir yang telah banyak memberikan dorongan dari segi mental, fizikal dan kewangan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diucapkan kepada adik-beradik saya yang tidak putus-putus memberikan kata-kata semangat agar saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengambil kesempatan memberikan apresiasi kepada rakan-rakan saya iaitu Muhammad Khairul Ashraf bin Jamil, Anissah Binti Ismail dan Syaleeiana Binti Dzulkiflee kerana telah bersama-sama saya menghabiskan perjuangan menulis latihan ilmiah ini.

Bahkan, saya juga ingin memberikan apresiasi ke atas diri saya sendiri kerana telah bertungkus lumus dan membuktikan bahawa saya juga mampu menghasilkan penulisan ilmiah saya sendiri. Akhir kata, ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak baik yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan latihan ilmiah ini dan semoga penulisan ini bermanfaat kepada semua pembaca.

NURSHARMILLAH HANIM BINTI SANI
12 OGOS 2022.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat adalah untuk meneliti berkenaan perbandingan antara dua persatuan etnik yang ada di Sabah iaitu persatuan Kedayan Sabah (PAADIAN) dan Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS). Permasalahan yang mendasari kajian ini adalah isu berkenaan perbandingan pengurusan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan etnik dalam melestarikan kewujudan persatuan. Berdasarkan kepada dapatan data daripada sumber primer dan sekunder daripada pelbagai sumber menunjukkan bahawa sememangnya wujud aspek persamaan dan perbandingan dalam kedua-dua persatuan etnik tersebut. Bahkan, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua persatuan sememangnya telah mencapai matlamat penubuhan persatuan namun aspek yang menilai sejauhmana prestasi persatuan adalah disandarkan kepada impak program atau aktiviti yang dilaksanakan. Walaupun PMBS bermula dengan gah dan prestasi sangat baik namun di akhir tahun 2019 mulai menunjukkan kemerosotannya. Manakala PAADIAN pula bergerak perlahan namun secara konsisten mengalami perkembangan. Justeru, faktor paling penting dalam kelangsungan sesebuah persatuan itu adalah pemimpin dan pengikutnya sendiri.

Kata Kunci: Perbandingan, PAADIAN, PMBS, aktiviti, impak

ABSTRACT

The purpose of this study was to review the comparison between the two ethnic associations in Sabah, namely the Sabah Kedayan Association (PAADIAN) and the Brunei Sabah Community Association (PMBS). The problem that underlies this study is the issue regarding the comparison of management and activities carried out by ethnic associations in preserving the existence of the association. Based on the findings of data from primary and secondary sources from various sources show that there are indeed aspects of similarity and comparison in the two ethnic associations. In fact, this study found that both associations have indeed achieved the goal of establishing the association, but the aspect that evaluates the extent of the association's performance is based on the impact of the programs or activities implemented. Although PMBS started with a fame and the performance was very good, but at the end of 2019 it started to show its deterioration. While PAADIAN moves slowly but consistently experiences development. Thus, the most important factor in the survival of an association is its own leader and followers.

Keywords: Comparison, PAADIAN, PMBS, activity, impact

KANDUNGAN

| TAJUK | HALAMAN |
|--|---------|
| PENGESAHAN | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| <i>ABSTRACT</i> | v |
| SENARAI KANDUNGAN | vi-viii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI GAMBAR | x |
| SENARAI SINGKATAN | xi |
| SENARAI LAMPIRAN | xii |
| BAB 1: PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 1-3 |
| 1.3 Sorotan Literatur | 3-8 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Skop Kajian | 8-9 |
| 1.6 Metodologi Kajian | 9-10 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.8 Pembahagian Kajian | 11-12 |
| 1.9 Kesimpulan | 13 |
| BAB 2: LATAR BELAKANG PERSATUAN ETNISITI DI SABAH | |
| 2.1 Pengenalan | 14 |

| | | |
|---------------|--|-------|
| | 2.2 Sejarah awal etnik di Sabah | 15-21 |
| | 2.3 Definisi Persatuan Etnik | 21 |
| | 2.4 Sejarah Penubuhan Persatuan Etnisiti | 21-27 |
| | 2.5 Kesimpulan | 27 |
| BAB 3: | PERBANDINGAN ETNIK KEDAYAN | |
| | DAN MELAYU BRUNEI | |
| | 3.1 Pengenalan | 28 |
| | 3.2 Asal Usul | 29-37 |
| | 3.3 Demografi | 37-39 |
| | 3.4 Ciri Fizikal | 39 |
| | 3.5 Aspek Linguistik | 39-43 |
| | 3.6 Aspek Sosioekonomi | 43-47 |
| | 3.7 Adat Perkahwinan dan Pantang Larang Kematian | 47-52 |
| | 3.8 Alat Muzik | 53-55 |
| | 3.9 Busana Tradisional | 56-57 |
| | 3.10 Kesimpulan | 58 |
| BAB 4: | PERBANDINGAN PERSATUAN ETNIK | |
| | KEDAYAN DAN MELAYU BRUNEI | |
| | 4.1 Pengenalan | 59 |
| | 4.2 Sejarah Awal Penubuhan | 59-64 |
| | 4.3 Objektif | 64-68 |
| | 4.4 Saf Kepimpinan Organisasi | 58-73 |
| | 4.5 Keahlian | 74-76 |

| | | |
|--------------------|--------------------------|--------|
| | 4.6 Kewangan | 77 |
| | 4.7 Pelaksanaan Aktiviti | 78-86 |
| | 4.8 Kesimpulan | 86 |
| BAB 5: | RUMUSAN | 87-90 |
| BIBLIOGRAFI | | 91-98 |
| LAMPIRAN | | 99-125 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|--|---------|
| Jadual 3.3 : Penduduk Sabah berdasarkan etnik tahun 2010 | 40 |
| Jadual 3.5.1 : Contoh penggunaan pengguguran konsonan "r" | 40 |
| Jadual 3.5.2 : Perkataan dialek Kedayan dan Bahasa Melayu (Tiada persamaan) | 40 |
| Jadual 3.5.3 : Contoh perkataan dialek Melayu Brunei berdasarkan sistem tiga vocal | 41 |
| Jadual 3.5.4 : Contoh perkataan dialek Melayu Kedayan dengan pengguguran konsonan "h" | 42 |
| Jadual 3.5.5 : Perkataan dialek Melayu Brunei (tambahan imbuhan) | 42 |
| Jadual 4.4.1 : Senarai asas saf kepimpinan PMBS | 70 |
| Jadual 4.4.2 : Senarai asas saf kepimpinan PAADIAN | 71 |
| Jadual 4.5.1 : Ringkasan pengkategorian keahlian dalam PAADIAN dan PMBS | 76 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

| | Halaman |
|--|---------|
| Gambar 3.6.1 : Duung orang Kedayan | 44 |
| Gambar 3.6.2 : Orang Kedayan sedang meniup dukut sebelum bersembunyi di dalam bumbun (di belakangnya) | 44 |
| Gambar 3.8.1 : Gambus jenis seludang | 53 |
| Gambar 3.8.3 : Gulingtangan orang Melayu Brunei | 54 |
| Gambar 3.8.4 : Kulintangan Sadaman orang Kedayan | 55 |
| Gambar 3.8.5 : Tangkong | 56 |
| Gambar 3.9.1 : Busana tradisional Melayu Brunei | 59 |
| Gambar 3.9.2 : Busana tradisional Kedayan | 59 |
| Gambar 4.2.1 : Logo Persatuan Kadayan Sabah (PAADIAN) | 61 |
| Gambar 4.2.2 : Logo Rasmi Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) | 63 |
| Gambar 4.3.1 : Objektif penubuhan Persatuan Kadayan Sabah (PAADIAN) | 65 |
| Gambar 4.3.2 : Objektif Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) | 65 |
| Gambar 4.4.1 : Saf kepimpinan Jawatankuasa Pusat PMBS tahun 2016 | 72 |
| Gambar 4.4.2 : Saf kepimpinan PAADIAN bagi sesi 2021-2023 | 73 |
| Gambar 4.6.1 : Perasmian Pesta Gambus di Menumbok oleh YAB Tan Sri Musa Haji Aman | 79 |
| Gambar 4.6.2 : Barisan pemenang Pertandingan Busana Kedayan | 80 |
| Gambar 4.6.3 : Banner pertandingan golf anjuran PAADIAN | 84 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|---------|---|
| SBUB | SYARIKAT BERPIAGAM UTARA BRITISH |
| PAADIAN | PERSATUAN KADAYAN SABAH |
| PMBS | PERSATUAN MASYARAKAT BRUNEI SABAH |
| UNKO | UNITED NATIONAL KADAZAN ORGANISATION |
| PASPAM | PERSAUDARAAN SAHABAT PENYA MALAYSIA |
| PKMJ | PERSATUAN KEBANGSAAN MELAYU JESSELTON |
| PKML | PARTI KEBANGSAAN MELAYU LABUAN |
| BARIP | BARISAN PEMUDA SOCIETY |
| ROS | JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

Lampiran A

| | | |
|-----------|---|-----|
| Gambar A1 | : Temu bual bersama Dr. Asmady Bin Idris, ahli Jawatankuasa Tertinggi PMBS | 99 |
| Gambar A2 | : Temu bual bersama YB Datuk Dr. Hj. Yusof Bin Hj. Yacob (Presiden PAADIAN) | 99 |
| Gambar A3 | : Temu bual bersama Encik Hamidi Bin Hj Salleh (Bendahari Agung PAADIAN) | 100 |
| Gambar A4 | : Temu bual bersama Datuk Haji Osman Bin Ahmed (Timb. Presiden PAADIAN) | 100 |
| Gambar A5 | : Temu bual bersama Tuan Hj. Saat Bin Hj. Ag. Damit (Mantan Setiausaha Agung dan Ahli Jawatankuasa Tetinggi PMBS) | 101 |

Lampiran B

| | | |
|------------|--|---------|
| Dokumen B1 | : Perlembagaan Bagi Pertubuhan Induk Persatuan Kadayan Sabah (PAADIAN) | 102-112 |
| Dokumen B2 | : Sebahagian daripada Undang-undang Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) | 113-121 |
| Dokumen B3 | : Sijil Perakuan Pendaftaran PMBS | 122 |
| Dokumen B4 | : Sijil Perakuan Pendaftaran PAADIAN | 123 |

Lampiran C

| | | |
|------------|---|-----|
| Majalah C1 | : Majalah Pesta Gambus Peringkat Negeri Sabah ke-18 | 124 |
| Majalah C2 | : Majalah Pesta Gambus Peringkat Negeri Sabah ke-16 | 125 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Selepas Perang Dunia Kedua, Sabah telah menyaksikan berlakunya peningkatan kesedaran dalam kalangan penduduk bumiputera Sabah untuk memperjuangkan hak dan kebajikan masyarakat negeri ini. Walau bagaimanapun, sekatan daripada pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB) telah menyekat kebebasan penduduk bumiputera untuk melakukan kegiatan berpersatuan dengan aktif. Justeru itu, kegiatan persatuan yang ada lebih tertumpu kepada sosiobudaya dan keagamaan. Apabila pembentukan Malaysia diisytiharkan pada tahun 1961, nyatanya telah menimbulkan pelbagai reaksi baik dari segi positif mahupun negatif. Bahkan, kejayaan Persatuan Kadazan membentuk persatuan etnik yang pertama di Sabah secara tidak langsung merangsang kepada etnik-etnik yang lain misalnya etnik Kedayan dan Melayu Brunei untuk mengikuti jejak persatuan tersebut.

1.2 Permasalahan kajian

Etnik Kedayan dan Melayu Brunei merupakan etnik minoriti yang dikatakan berasal daripada Brunei Darussalam dan kemudiannya berhijrah serta bermastautin di Sabah. Justeru, fakta ini secara tidak langsung membawa satu stereotaip bahawa kedua-dua etnik ini adalah sama kerana nyatanya berasal dari negara yang sama. Di satu sisi, pensejarahan berkenaan dengan etnik Kedayan dan Melayu Brunei secara tunggal sememangnya acap kali dikaji namun kajian yang membandingkan kedua-dua etnik ini masih kurang diketengahkan. Hal ini kerana, jelas-jelas kedua-dua etnik ini mempunyai keunikannya yang tersendiri khususnya dari aspek adat resam dan bahasa dialek yang digunakan. Maka, kajian yang sebegini seharusnya dibuat bagi membincangkan secara khusus perbandingan kedua etnik yang berasal daripada

rumpun negara yang sama.

Sehubungan dengan itu, setiap daripada etnik ini mewujudkan persatuan mereka yang tersendiri sebagai usaha memastikan kelangsungan kelestarian etnik-etnik tersebut khususnya dalam mendepani kerencaman identiti etnik dan globalisasi. Secara ringkasnya, etnik Kedayan menubuhkan Persatuan Kedayan Sabah atau dikenali sebagai PAADIAN manakala persatuan etnik Melayu Brunei dikenali sebagai Persatuan Melayu Brunei Sabah atau singkatannya PMBS. Jelasnya, kewujudan kedua-dua persatuan etnisiti bagi etnik Kedayan dan Melayu Brunei ini sudah pernah diketengahkan dalam pensejarahan sejarah khususnya bagi Melayu Brunei namun agak berbeza dengan Kedayan. Namun, jelas sekali pensejarahan mengenai kedua-dua persatuan ini masih kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan persatuan etnik yang lainnya.

Barangkali, faktor kedua-duanya merupakan etnik minoriti di Sabah meletakkan berkemungkinan status kewujudan dan gerakan persatuan etnisiti mereka agak kurang diberatkan berbanding dengan etnik dominan lainnya misalnya Kadazandusun. Walhal, sewajarnya kedua-dua persatuan etnisiti ini diangkat selari dengan persatuan etnisiti yang lain kerana turut mendukung peranan mengekalkan identiti Sabah yang mempunyai kerencaman kaum atau paling kurang sebahagian daripada Sabah. Sehubungan dengan itu, meneliti perjalanan *survival* bagi kedua-dua persatuan etnik tersebut sudah pastinya akan membawa kepada satu dapatan kajian yang baharu, menarik dan unik dengan kajian sebelumnya. Hal ini kerana, kajian yang memuatkan perbandingan antara persatuan etnik Kedayan dan Melayu Brunei belum lagi diketengahkan.

Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat menyimpulkan tiga permasalahan kajian utama iaitu pengkaji ingin mengetahui mengenai apakah latar belakang penubuhan persatuan etnik di Sabah khususnya sejarah awal yang membawa kepada pembentukan etnik sekali gus penubuhan persatuan berasaskan etnik. Selain itu, pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti bagaimanakah perkembangan sejarah awal etnik Kedayan dan Melayu Brunei di Sabah yakni penjelasan tentang latar belakang masyarakat Kedayan dan Melayu Brunei yang merangkumi asal usul, demografi, ciri

fizikal, dialek, aktiviti sosioekonomi, adat kepercayaan dan agama. Akhir sekali, pengkaji ingin mendapatkan jawapan mengenai apakah perbandingan pelaksanaan pengurusan dan aktiviti Persatuan Kedayan dan Persatuan Melayu Brunei khususnya aspek persamaan dan perbezaan dalam menjamin kelangsungan persatuan dengan mengambil kira beberapa aspek iaitu idea penubuhan, organisasi persatuan, tujuan dan matlamat, kegiatan ekonomi serta warisan dan kebudayaan.

1.3 Sorotan kajian

Pelaksanaan sorotan kajian akan mendorong pengkaji meluaskan pembacaan agar dapat meneroka lebih banyak maklumat dan mengenal pasti lompang kajian yang sebelumnya sekali gus mengelakkan berlakunya pengulangan kajian terdahulu. Di samping itu, pengkaji akan dapat merekonstruksi gambaran awal mengenai kajian dan memudahkan lagi proses pengkajian. Malahan, dengan proses penelitian ke atas kajian-kajian lepas ini, pengkaji dapat membentuk satu tingkat validiti kajian yang tinggi dan berwibawa untuk rujukan pengkaji-pengkaji akan datang. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menggunakan beberapa bahan bacaan untuk dijadikan sebagai sorotan literatur khususnya berkenaan dengan sejarah etnik Kedayan dan Melayu Brunei di Sabah bagi mengisi lompang-lompang kajian tersebut melalui penyelidikan Kajian Persatuan Etnik di Sabah : Satu Kajian Perbandingan Persatuan Etnik Kedayan & Melayu Brunei (1990-2020).

Dalam kajian Madzhi Johara ada menyatakan bahawa kajian berkenaan dengan asal usul kedatangan etnik-etnik di Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik itu merupakan sesuatu yang kompleks dan sulit. Hal ini dikatakan demikian kerana, semasa pemerintahan tradisional terdahulu, tidak ada istilah sempadan yang jelas di antara satu daerah dengan daerah yang lain. Justeru, penentuan kerakyatan seseorang rakyat adalah disandarkan kepada sejauhmana ia memperakui kedaulatan rajanya. Bahkan, wilayah Asia Tenggara terkenal dengan perkongsian kebudayaan yang pada akhirnya akan memudahkan pergerakan di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain tanpa sekatan. Maka ini menyukarkan lagi proses memerihalkan

asal usul etnik di Sabah secara spesifik.¹

Sekitar tahun 15,000 hingga 20,000 ke belakang, telah berlaku satu perpindahan secara besar-besaran dari provinsi Selatan negeri China ke provinsi Asia Tenggara termasuklah ke kawasan persisir pantai kepulauan Borneo. Kelompok yang awal ini dikenali sebagai Melayu-Proto. Mereka ini dikatakan telah tinggal secara berselerak di seluruh kepulauan Borneo dan apabila hidup saling terpisah antara satu sama lain kemudiannya membentuk identiti etnik yang berbeza-beza. Misalnya, masyarakat yang hidup di kawasan persisir sungai dan pantai tidak akan sama ciri-ciri sosiobudayanya dengan masyarakat yang hidup di kawasan pedalaman. Jelasnya kerencaman etnik di Sabah kini dapat dikatakan berasal daripada rumpun Melayu Austronesia yang sama.²

Shahira Abdul Rahman³ mengatakan bahawa semasa berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu lagi Sabah sememangnya mengamalkan satu bentuk pemerintahan yang menggabungkan tiga entiti pentadbiran iaitu sistem politik kesultanan, sistem politik kesukuan dan sistem politik ketua bebas. Justifikasi kewujudan bentuk pentadbiran yang sedemikian rupa adalah disandarkan kepada faktor geografi. Meskipun berada di bawah naungan dua kekuasaan kesultanan namun hakikatnya pelaksanaan kawalan pemerintahan secara menyeluruh dan terus daripada kedua-kedua kesultanan adalah mustahil jika melihat kepada bentuk muka bumi Sabah dan keluasannya. Jelasnya, kewujudan dan keberadaan sistem politik yang berunsur kesukuan serta ketua bebas ini adalah wajar khususnya masyarakat Sabah yang tinggal di provinsi pedalaman misalnya masyarakat Dusun, Murut dan lain-lain. Oleh hal yang demikian, sistem politik kesukuan yang diamalkan di Sabah disandarkan kepada ikatan kekeluargaan bertujuan menyelesaikan sebarang pertelingkahan dan menjaga keharmonian

¹ Madzhi Johari, *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

² Collins, J.T., *Malay World Language: A Short History*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

³ Rahman, S. B. A, SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL YANG TERDAPAT DI SABAH DAN SARAWAK SEBELUM KEDATANGAN BRITISH, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 20: 13-74, 2021.

sesama masyarakat. Ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa kesedaran kesukuan di Sabah telah wujud jauh lebih awal.

Dalam kajian Sabihah Osman⁴, beliau menyatakan bahawa tidak ada sebarang gerakan persatuan sosiobudaya peribumi yang bersifat terarah dan jelas sebelum Perang Dunia Kedua meletus. Justeru, di peringkat awal, persatuan sosiobudaya tersebut hanyalah disandarkan kepada pelaksanaan aktiviti sosial semata-mata dan majlis persaraan Residen. Sabihah Osman telah meletakkan Sabah sebagai sebuah negeri yang agak lemah dari segi penubuhan persatuan bersifat politik melainkan hanya berfokuskan kepada persatuan sosiobudaya dan keagamaan semata-mata. Hal ini diteliti tercetus kerana faktor ketiadaan populasi dominan melebihi 50% maka agak sukar untuk membentuk majoriti. Justeru, selepas kejayaan orang Kadazandusun mengutarakan cadangan cuti umum pada Pesta Menuai melalui persatuan Angkatan Gaya Baru telah menaikkan lagi semangat untuk memperkasakan lagi ikatan perpaduan sesama orang Kadazan. Sejajar dengan itu, persatuan etnisiti pertama iaitu *United National Kadazan Organisation* telah ditubuhkan secara rasminya.

Kemudian Shamsul Baharuddin⁵ menyifatkan gerakan ke arah kesedaran bepersatuan di Sabah sebagai satu fenomena yang kompleks berbanding dengan di Semenanjung Malaysia. Lazimnya, masyarakat di Sabah tidak hanya terpisah disebabkan kerencaman identiti etnik malahan agama yakni Islam dan bukan Islam. Secara kasarnya titik kepada bermulanya pergerakan ke arah penubuhan persatuan di Sabah tidak lain dan tidak bukan adalah sebagai reaksi kepada cadangan penubuhan Malaysia. Setiap satu daripada etnik-etnik memulakan gerakan penubuhan persatuan yang lebih terarah yakni medium pertahanan hak dan kedudukan mereka.

⁴ Osman, Sabihah, "Pembangunan politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah." *Kinabalu: Jurnal Perniagaan & Sains Sosial*, Vol. 14: 1-27, 2008.

⁵ Shamsul Amri Baharuddin, Modul Hubungan Etnik Edisi 2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaya, Institut Kajian Etnik, 2012.

Kajian daripada P.M. Sharifuddin telah menjadi salah satu rujukan utama kepada penulisan penyelidikan ini. Menurut beliau, etnik Kedayan ini berasal daripada Tanah Jawa yang dibawa masuk oleh Sultan Bolkiah sewaktu melawat di negara tersebut.⁶ Bahkan, kajian daripada Amde Sidik juga menyatakan teori yang sama iaitu orang Kedayan adalah berasal dari Tanah Jawa.⁷ Bahkan kedua-duanya sependapat bahawa orang Kedayan adalah golongan petani yang telah dibawa pulang ke Brunei untuk bercucuk tanam. Secara keseluruhannya, dapatan kedua-dua kajian ini adalah sama kecuali satu aspek iaitu dialek orang Kedayan. Kontroversi telah muncul di antara kedua-duanya kerana P.M. Sharifuddin mengatakan bahawa orang Kedayan menggunakan konsonan "h" sesuka hati dan secara meluas. Walhal Amde Sidik pula mengatakan sebaliknya.

Ros Aiza Mohd Mokhtar telah membahagikan teori kedatangan etnik Kedayan sebanyak dua fasa iaitu kedatangan ke Brunei dan ke Sabah.⁸ Di bawah subtopik perhijrahan ke Brunei ini dibahagikan lagi kepada empat teori. Teori yang pertama sama seperti teori yang dikemukakan oleh Amde Sidik dan P.M. Sharifuddin. Teori kedua pula menyatakan bahawa etnik Kedayan berasal daripada Banjarmasin di mana wujudnya perkaitan sejarah dan kebudayaan. Seterusnya, terdapat juga teori kedatangan etnik Kedayan daripada Kutai Kerta Negara yang dijelaskan juga melalui perkaitan dari aspek sejarah dan kebudayaan.

Manakala, untuk hijrah orang Kedayan ke Sabah pula dibahagikan kepada tiga faktor. Pertama sekali disandarkan kepada tradisi orang Kedayan yang sememangnya suka hidup nomad maka wajarlah untuk berpindah. Seterusnya, perpindahan orang Kedayan ke Sabah juga dikatakan berkaitan dengan kegiatan sosiokenomi mereka iaitu pertanian. Orang Kedayan memerlukan tanah yang lebih subur maka mereka berhijrah ke Sabah. Faktor yang terakhir pula menjelaskan mengenai kegagalan pelaksanaan kudeta sehingga terpaksa melarikan diri ke Sabah

⁶ P.M. Shariffuddin, *The Kedayans, The Brunei Museum Journal*, Vol. 1, No.1: 15-23, 1969.

⁷ Amde Sidik, *The Mystic Of Borneo*, Kota Kinabalu: Borneo Publishers, 2007.

⁸ Ros Aiza Mohd Mokhtar, *Dinamika Hijrah Masyarakat Kedayan, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*: 44-56, 2017.

sebagai mencari perlindungan.

Selain itu, kajian daripada Dg. Junaidah Ag Jambol ada menjelaskan mengenai perpindahan orang Melayu Brunei ke Sabah. Menurut beliau, penghijrahan orang Melayu Brunei ke Sabah dapat dikaitkan dengan bentuk pentadbiran oleh kerajaan Brunei pada ketika itu yakni sistem pemerintahan yang dipecahkan kepada tiga.⁹ Justeru, pemerintahan bercorak ini memperuntukkan kuasa kepada golongan pembesar atau ampuan untuk memiliki wilayah kekuasaan khususnya jajahan Brunei di Sabah. Jelasnya, apabila seseorang ampuan itu memperolehi wilayah yang berada di Sabah maka ia terpaksa melakukan penghijrahan dan pada kebiasaannya, pengikut-pengikutnya akan turut serta. Ini dijadikan sebagai asas mengapa adanya orang Melayu Brunei di Sabah.

Justeru, kajian-kajian lepas berkenaan dengan etnik Kedayan dan Melayu Brunei sememangnya sangat banyak meskipun penumpuan adalah lebih diberatkan kepada etnik Kedayan di Sarawak dan Melayu Brunei di Brunei Darussalam. Apabila diperhatikan kajian-kajian lepas yang ada maka jelas sekali bahawa kajian yang membandingkan berkenaan dengan kedua-dua etnik ini belum pernah ada dalam pensejarahan Sabah. Walhal, dapatan kajian daripada penyelidikan ini sudah pastinya menarik dan unik daripada yang lain.

Mohd Farizul Bin Sunarriyo telah mengkaji berkenaan dengan Persatuan Masyarakat Brunei Sabah atau lebih dikenali sebagai PMBS pada tahun 2009.¹⁰ Ini merupakan kajian mengenai persatuan Melayu Brunei yang pertama dan terakhir dalam pensejarahan Sabah sehingga kini. PMBS nyatanya sebuah persatuan yang telah memainkan peranan berkesan dalam membantu masyarakat Melayu Brunei di Sabah. Bahkan, pencapaian terbaik PMBS adalah pelaksanaan Pesta Gambus peringkat Negeri. Berbeza pula dengan Persatuan Kedayan Sabah yang

⁹ Dg. Junaidah Ag. Jambol, *Sejarah Perkembangan Golongan Bangsawan Melayu Brunei di Daerah Papar (1881-1963)*, Tesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009.

¹⁰ Mohd Farizul Bin Sunarriyo, *Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) 1993-2008: Peranan Dalam Pembangunan Sosial dan Ekonomi Masyarakat Melayu Brunei di Sabah*, Tesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009.

sememangnya belum pernah dikaji dalam mana-mana penyelidikan.

1.4 Objektif kajian

Tujuan pengkaji membuat kajian ini adalah untuk mengkaji berkenaan Persatuan Etnik di Sabah : Satu Kajian Perbandingan Persatuan Etnik Kedayan & Melayu Brunei (1990-2020). Berdasarkan kepada tujuan tersebut, pengkaji telah menetapkan tiga objektif iaitu :

- i. Meneliti latar belakang penubuhan persatuan etnik di Sabah.
- ii. Meneroka perbandingan perkembangan sejarah awal etnik Kedayan dan Melayu Brunei di Sabah.
- iii. Menganalisis perbandingan pelaksanaan persatuan antara Persatuan Kedayan dan Persatuan Melayu Brunei di Sabah dalam memperjuangkan kelangsungan persatuan.

1.5 Skop kajian

Kajian ini berfokuskan kepada Persatuan Etnik di Sabah yakni Persatuan Etnik Kedayan & Melayu Brunei yang meliputi sejarah awal persatuan etnik di Sabah, latar belakang masyarakat Kedayan dan Brunei sehingga tertubuhnya satu entiti persatuan dan perbandingan pelaksanaan pengurusan dan aktiviti bagi Persatuan Kedayan dan Persatuan Melayu Brunei dalam memastikan kelangsungan (*survival*) persatuan. Selain itu, fokus kerangka masa kajian pula adalah pada sekitar akhir tahun 1990 hingga 2020 yakni bermula daripada awal penubuhan Persatuan Melayu Brunei yang terawal iaitu BERNAS sehingga persatuan yang terkini dan paling lama bertahan iaitu PMBS manakala PAADIAN, iaitu persatuan Kedayan yang terkini ditubuhkan pada tahun 2016. Meskipun ada persatuan Kedayan sebelumnya namun hanya PAADIAN yang lebih menyerlah dari aspek pengurusan dan pelaksanaan aktiviti berbanding persatuan Kedayan sebelumnya dan statusnya sebagai persatuan semasa. Kemudian, lokasi kajian adalah di Sabah kerana bertepatan

dengan konteks utama kajian iaitu Persatuan Etnik di Sabah.

1.6 Metodologi kajian

Bagi menjalankan kajian Persatuan Etnik di Sabah : Satu Kajian Perbandingan Persatuan Etnik Kedayan & Melayu Brunei (1980-2019), pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif yakni menggunakan data-data yang tidak dapat diterjemahkan dalam bentuk angka sebaliknya memerlukan bentuk penganalisan dan deskriptif. Secara ringkasnya, penyelidik akan menggunakan gabungan tiga kaedah dalam menjalankan kajian ini iaitu kaedah kepustakaan, kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian.

1.6.1 Kaedah kepustakaan

Kaedah ini merupakan proses analisis ke atas sumber kepustakaan. Sumber-sumber yang dirujuk adalah daripada sumber primer dan sumber sekunder. Tujuan kaedah ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kajian lepas berkenaan dengan kajian persatuan etnik khususnya persatuan etnik Kedayan dan Melayu Brunei. Contoh sumber primer yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah dokumen rasmi persatuan Kedayan dan Melayu Brunei misalnya minit-minit mesyuarat kemudian keratan majalah dan foto-foto. Manakala, sumber sekunder terdiri daripada artikel-artikel yang diperoleh dalam jurnal dan buku-buku. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menggunakan platform atas talian untuk mengakses bahan-bahan bacaan dan rujukan untuk kajian.

1.6.2 Kaedah temu bual

Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan pandangan daripada kelompok individu yang bertauliah khususnya individu-individu yang terlibat secara langsung dengan pengendalian persatuan-persatuan tersebut dan beberapa ahli akademik. Justeru temu bual ini tidak hanya dibuat untuk

mendapatkan pandangan semata-mata yakni di akhir dapatan temu bual ini diharapkan dapat memberikan interpretasi yang lebih ke depan. Secara tidak langsung, kaedah ini akan membantu mengisi lompong-lompong kajian ini.

1.6.3 Kaedah pemerhatian

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dengan turun sendiri ke kawasan lapangan kajian untuk memperolehi data. Melalui metodologi ini, pengkaji dapat memperkukuh dapatan kajian melalui pemerolehan gambar-gambar aktiviti persatuan, tempat beroperasi organisasi dan foto-foto berkaitan.

1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk memperkayakan lagi bahan rujukan dan sumber bacaan berkenaan dengan Persatuan Kedayan dan Persatuan Melayu Brunei yang nyatanya kurang diberatkan dalam penaratifan kajian sejarah. Bagi pengkaji, kajian ini akan menjadi salah satu alternatif yang berupaya mengangkat kembali Persatuan Kedayan dan Persatuan Melayu Brunei di mata umum sekali gus memperkukuhkan lagi kedudukan kedua-dua persatuan etnik tersebut sebagai salah satu entiti yang memperjuangkan kelestarian identiti etnik mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mencipta satu sudut percambahan pandangan baharu kepada naratif pensejarahan mengenai persatuan etnik Kedayan dan Melayu Brunei.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan kepada penyelidik akan datang dalam mengekspansasikan lagi wawasan pemikiran. Bahkan, kajian ini juga dianggap penting kerana berupaya menutupi lompong-lompong kajian lepas berkenaan dengan kerencaman etnik yang ada di Sabah khususnya selepas tahun 1963. Di akhir penyelidikan ini, penaratifan berkenaan Persatuan Kedayan dan Melayu Brunei ini diharapkan dapat memberikan perkongsian bermanfaat bukan sahaja kepada peningkatan pengetahuan kepada diri pengkaji malahan komuniti dan bangsa.